



PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN ALUMNI AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA (APIUM) DALAM PENGAJIAN SYARIAH DI MALAYSIA*

Achievements and Contributions of APIUM Alumni to Shariah Studies in Malaysia

Mohamed Azam Mohamed Adil¹
Muhamad Sayuti Mansor²

ABSTRACT

The Academy of Islamic Studies (APIUM), University of Malaya, is one of the most prominent shariah institutions in this country. Since its inception, APIUM has produced thousands of alumni in the field of Islamic studies, particularly shariah. This article, thus, seeks to explore the achievements and contributions made by these alumni in developing and reviving the study of shariah in Malaysia. For this aim, this study will first examine the long history of APIUM followed by its methodological approach

* Artikel ini diterbitkan khas sempena sambutan 40 tahun Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Penulis pertama merupakan Mantan Presiden Persatuan Alumni Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (ALIM) dari tahun 2010 hingga 2020.

¹ Deputy CEO, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia, mazamadil@iais.org.my

² Analyst; Special Officer to the Deputy CEO, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia, sayuti@iais.org.my

in studying shariah. Next, it will closely identify individual contributions and achievements of its alumni in various sectors related to shariah. Overall, this study finds that alumni from APIUM have contributed immensely to the development of shariah studies in this country. This is done through APIUM's unique approach towards Shariah studies, and the important roles played by its alumni in key areas such as fatwa institutions, Islamic judiciary, shariah scholarship, Islamic administration, and Islamic finance.

Keywords: *Academy of Islamic Studies University of Malaya, alumni, achievements, contributions, Shariah study*

PENDAHULUAN

Pengajian syariah di Malaysia telah melalui sejarah yang panjang seawal kedatangan Islam ke rantau ini. Sejak itu, ilmu-ilmu Islam termasuklah syariah giat dipelajari dan disebarluaskan ke seluruh pelusuk Nusantara. Proses pengajian syariah ini memerlukan kepada wujudnya institusi pengajian yang menjadi tulang belakang bagi menyediakan kemudahan-kemudahan seperti tenaga pengajar, silibus pembelajaran dan fasiliti tempat pembelajaran yang selesa. Justeru, seiring dengan perkembangan penyebaran Islam dan pengajian syariah di Alam Melayu ini, institut-institut pengajian syariah turut mengalami perkembangan dan kemajuan yang pesat. Bermula dengan sesi pengajian secara tidak formal di istana, masjid dan surau, pengajian syariah kemudiannya berkembang dan mempunyai institusi yang tersendiri seperti yang dapat dilihat dengan kemunculan institusi pondok, dayah dan pesantren.

Pengajian syariah di institusi pengajian tinggi seperti universiti dan kolej adalah merupakan kesinambungan kepada proses perkembangan ini. Selari dengan perkembangan pesat model sistem pendidikan moden yang diperkenalkan Barat, pengajian syariah turut beradaptasi dengan perubahan ini sehingga melahirkan kolej, yayasan, pusat, fakulti dan akademi yang dikhususkan untuk pengajian Islam di samping sistem tradisional seperti pondok dan madrasah yang masih bertahan. Justeru itu, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) telah muncul sebagai salah sebuah institusi pengajian syariah yang paling penting dan berpengaruh di rantau ini.

APIUM telah melalui sejarah yang panjang dan gemilang dalam bidang pengajian syariah. Bermula sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), ia merupakan antara pusat pengajian tinggi Islam yang terawal di negara ini. Sejak daripada itu, APIUM telah melalui fasa perubahan dan

perkembangan apabila melalui proses pengambilalihan oleh Universiti Malaya untuk dijadikan sebagai Akademi Islam Universiti Malaya dan kemudiannya digabungkan dengan Jabatan Pengajian Islam sehingga membentuk APIUM yang kita lihat pada hari ini. Seiring dengan perkembangan ini, APIUM telah banyak meninggalkan kesan dan pengaruh terhadap proses pengajian syariah di negara ini terutamanya dalam memacu perkembangan dan pembaharuan pengajian syariah selari dengan perkembangan zaman. APIUM juga telah memberikan sumbangan dalam bentuk melahirkan ribuan alumni pengajian syariah yang kemudiannya menjadi watak-watak penting dalam memapankan pengajian syariah di Malaysia.

Justeru itu, kajian ini memfokuskan terhadap sumbangan dan pencapaian alumni APIUM dalam pengajian syariah. Latarbelakang sejarah penubuhan APIUM disoroti bagi memperlihatkan kedudukan penting APIUM sebagai antara pemaju awal pengajian tinggi syariah di Malaysia. Seterusnya, keistimewaan dan keunikan sistem pengajian syariah di APIUM akan ditinjau bagi melihat proses pembaharuan yang telah dilakukan oleh APIUM terhadap pengajian syariah di Malaysia. Akhirnya, kajian ini memfokuskan sumbangan individu yang diberikan oleh para tokoh alumni APIUM dari pengajian syariah yang mempunyai kedudukan dan pengaruh penting, antaranya sebagai mufti, hakim, sarjana, pentadbir, penasihat syariah, tokoh pendakwah dan sebagainya.

Untuk itu, kajian ini telah menggunakan kajian kepustakaan bagi meninjau sejarah dan keistimewaan pengajian syariah di APIUM. Manakala bagi sumbangan tokoh alumni bidang syariah APIUM, pengkaji telah sedaya upaya mengumpulkan data-data tokoh alumni APIUM melalui sumber internet, rencana dan sumber lisan daripada individu yang dipercayai. Ketiadaan pengkalan data alumni APIUM yang lengkap menyukarkan pengkaji untuk memastikan kesemua nama tokoh alumni bidang syariah APIUM dapat dimasukkan dalam senarai ini. Selain itu, terdapat juga tokoh-tokoh alumni dari zaman YPTIK serta dari bahagian pengajian Usuluddin APIUM yang turut dimasukkan ke dalam senarai ini disebabkan sumbangan besar mereka terhadap pengajian syariah. Namun, pengkaji mengharapkan pandangan, komen dan cadangan balas daripada pembaca bagi memperbaiki artikel ini di masa hadapan.

LATARBELAKANG SEJARAH APIUM

1. Penubuhan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) merupakan hasil penggabungan di antara dua buah institusi di Universiti Malaya, iaitu Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam.³ Jabatan Pengajian Islam telah ditubuhkan pada tahun 1959 hasil dari hubungan yang formal antara Kolej Islam Malaya dan Universiti Malaya. Kolej Islam Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1955 merupakan insituti pengajian tinggi Islam yang pertama di Malaya (kini Malaysia).⁴ Ini menjadikan Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai program pengajian Islam di peringkat universiti yang pertama ditubuhkan selepas Malaya merdeka.⁵ Apabila Majlis Kolej Islam Malaya dibubarkan pada tahun 1970, Jabatan Pengajian Islam telah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis dan Senat Universiti Malaya dan merupakan sebuah jabatan di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.⁶

Manakala Akademi Islam pula berasal daripada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan. Sebelum itu, YPTIK dikenali sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK) yang telah ditubuhkan pada Oktober 1965 melalui kerjasama di antara sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan dan pihak Istana Kelantan.⁷ Apabila Enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan 9/1968 diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pada 10 Oktober 1968, PPTIK telah

³ 'Academy of Islamic Studies: Overview,' University of Malaya, diakses pada 30 September 2021, <https://apium.um.edu.my/>.

⁴ Saim Kayadibi dan Ahmad Hidayat Buang, 'The Role of Islamic Studies in Muslim Civilization in The Globalized World: Malaysian Experience,' *Jurnal Hadhari* 3, no. 2 (2011): 92.

⁵ Muhd. Nur Manuty, "Islamic Studies Programs in Malaysia's Higher Learning Institutions: Responses to Contemporary Challenges of Modernity, Globalization and Post 9/11," dalam *Islamic Studies and Islamic Education in Contemporary Southeast Asia*, ed. Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad dan Patrick Jory (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan, 2011), 138.

⁶ Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda Sesi 2019/2020* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2019), 3.

⁷ Nor Aini Ali, Azizi Che Seman, dan Mohd. Yahya Mohd. Hussin, 'Kerjaya Graduan Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (1996 - 2002),' *Jurnal Syariah* 13, no. 1 (2005): 81-83.

ditukar nama kepada YPTIK.⁸ Pada tahun 1981 pula, YPTIK telah diambilalih dan diserapkan ke Universiti Malaya sehingga terbentuknya Akademi Islam Universiti Malaya pada tanggal 1 April 1981.⁹ Tahun 1981 ini telah dijadikan sebagai tahun rasmi penubuhan APIUM yang telah menyambut ulangtahun penubuhannya yang ke-40 pada tahun 2021.¹⁰ Namun begitu, sebagaimana telah dijelaskan ternyata APIUM telah mempunyai susur galur sejarah yang jauh lebih panjang daripada tarikh rasmi berkenaan.¹¹

2. Perkembangan Pengajian Syariah di APIUM

Sejak penubuhannya, APIUM telah mengalami perkembangan yang amat pesat. Sewaktu ditubuhkan pada tahun 1981, Akademi Islam hanya mempunyai dua buah fakulti iaitu Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin. Kedua-dua fakulti ini menawarkan Sarjana Muda Syariah dan Usuluddin dengan pendekatan undang-undang, politik dan pentadbiran serta kemasyarakatan. Khususnya bagi bidang syariah, para pelajar diwajibkan mengambil kursus-kursus wajib yang terdiri daripada kursus-kursus pengajian syariah, undang-undang, bahasa dan kursus pilihan daripada Fakulti Usuluddin. Kursus-kursus syariah ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan semua aspek perundangan Islam yang meliputi topik-topik seperti Pengantar Fiqh, *Fiqh al-Ibadat*, *Fiqh al-Kitab wal-Sunnah*, *Fiqh Ahwal Syakhsyiyah*, *Fiqh al-Muamalat*, *Fiqh al-Jinayat*, *Siyasah Syar'iyah*, *Fiqh al-Da'wa wal-Bayyinah*, *Qawaid Fiqhiyyah*, *Fiqh al-Mawarith* dan *Usul al-Fiqh*.¹²

Manakala kursus undang-undang pula memperkenalkan para pelajar kepada sistem undang-undang yang diparkikkan di Malaysia khususnya undang-undang Islam. Kursus yang perlu diambil oleh para pelajar ialah seperti Pengantar Sistem Undang-undang di Malaysia, Undang-undang Pentadbiran

⁸ Idris Awang, 'Sejarah ringkas Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri,' *Jurnal KIAS* 14, no. 1 (2019): 100-103.

⁹ Idris Awang, 'Sejarah Ringkas YPTIK,' 109; Aini, Azizi dan Yahya, 'Kerjaya Graduan Sarjana Muda Syariah,' 82.

¹⁰ 'Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Akademi Pengajian Islam ke 40,' University of Malaya, diakses pada 30 September 2021, <https://apium.um.edu.my/news/majlis-perasmian-sambutan-ulang-tahun-akademi-pengajian-islam-ke-40>.

¹¹ Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, 'Pengkisahan Sejarah 40 Tahun APIUM,' syarahan atas talian sambutan ulang tahun ke-40 APIUM, 1 Julai 2021, <https://apium.um.edu.my/events/pengkisahan-sejarah-40-tahun-apium>.

¹² Idris Awang, 'Perkembangan Pengajian di Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,' *Jurnal Syariah*, vol. 3/2 (1995): 302-304.

Hukum Islam, Pentadbiran Undang-undang Keluarga, Undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran, Undang-undang Acara Mal Islam, Undang-undang Kontrak, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Jenayah Malaysia dan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah. Hal ini bagi menyediakan para lepasan Fakulti Syariah APIUM untuk melibatkan diri dalam bidang pentadbiran dan kehakiman Islam di Malaysia. Namun begitu sejak sesi pengajian 1991/92, kursus undang-undang ini tidak lagi diwajibkan kepada pelajar Fakulti Syariah dan sekadar dijadikan satu komponen kursus pilihan.¹³

Setelah itu, selain daripada bidang syariah dan usuluddin, Sarjana Muda Pendidikan Islam mula diperkenalkan dengan kerjasama Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Manakala selepas penggabungan di antara Akademi Islam dan Jabatan Pengajian Islam yang telah membentuk Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) pada tahun 1996, pembahagian pengajian kepada Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin telah dimansuhkan dan dalam masa yang sama jumlah kursus pengajian telah ditambah dengan kewujudan 9 buah Jabatan dan 3 Program Pengajian.¹⁴ Jabatan dan Program Pengajian ini terdiri daripada; 1) Jabatan Fiqh dan Usul, 2) Jabatan Syariah dan Undang-undang, 3) Jabatan Syariah dan Ekonomi, 4) Jabatan Syariah dan Pengurusan, 5) Jabatan Siasah Syar'iyah, 6) Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, 7) Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, 8) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 9) Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, 10) Program Pendidikan Islam, 11) Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam, dan 12) Program Pengajian Islam.¹⁵

PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN ALUMNI APIUM DALAM PENGAJIAN SYARIAH

Sepanjang sejarahnya yang panjang, APIUM telah melahirkan ribuan graduan dalam pelbagai bidang pengajian Islam serta telah menempa nama sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang terkemuka di Malaysia. Menelusuri tempoh ini, ternyata begitu banyak pencapaian dan sumbangan yang telah diberikan oleh APIUM terhadap perkembangan pengajian syariah di rantau ini amnya dan di negara ini khususnya. Justeru, kajian ini akan menyoroti

¹³ Idris Awang, 'Perkembangan Pengajian di Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,' 302.

¹⁴ Abdul Karim Ali, Rahimin Affandi Abd. Rahim, dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, "Transformasi Pengajian Tinggi Aliran Islam Sebagai Asas Pembangunan Modal Insan: Pengalaman APIUM," *Jurnal Hadhari* 6, no. 2 (2014): 3-4.

¹⁵ APIUM, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda*, 4.

pencapaian yang telah diraih oleh APIUM dalam mengembangkan pengajian syariah terutama melalui sumbangan para alumninya. Pada bahagian yang pertama, kita akan melihat pencapaian dan sumbangan APIUM itu sendiri dalam melakukan perubahan serta pembaharuan dalam pengajian syariah agar sentiasa relevan dan sesuai dengan arus perubahan zaman. Manakala pada bahagian yang berikutnya, kita akan melihat dengan lebih khusus sumbangan dan peranan besar yang telah dimainkan oleh para alumni APIUM terhadap pengajian syariah selepas bergraduasi daripada APIUM dan bertebaran menebarkan bakti ke seluruh pelosok dunia.

1. Sumbangan APIUM dalam Proses Pembaharuan Pengajian Syariah di Malaysia

Sejak penubuhannya, APIUM ternyata sentiasa menjadi pencetus dan pemimpin proses perubahan dan pembaharuan pengajian syariah. Pendekatan yang menghubungkan pelbagai aspek yang berkaitan seperti harmonisasi di antara khazanah turath klasik dan ilmu-ilmu Barat moden serta aspek tekstual dan kontekstual budaya masyarakat setempat telah diambil oleh APIUM bagi memastikan pengajian syariah dapat beradaptasi dan kekal relevan dengan perubahan semasa. Oleh itu, keunikan dan kreativiti yang telah dilakukan oleh APIUM ini disamping keberaniannya untuk menongkah arus keluar daripada gaya pengajian syariah ala klasik mengikut model Timur Tengah seperti al-Azhar dan Universiti Islam Madinah yang masih menjadi panduan utama di sesetengah institusi tempatan lain telah menyebabkan APIUM disegani dan dipandang tinggi.¹⁶

Tidak dapat dinafikan, pencapaian APIUM ini sendiri merupakan bukti sumbangan besar alumninya terhadap bidang pengajian syariah. Hal ini kerana sejak penubuhannya, sebahagian besar kakitangan akademik serta barisan pentadbir di APIUM adalah dari kalangan para lulusan APIUM itu sendiri. Setelah menamatkan pengajian mereka di peringkat tertinggi, mereka memilih untuk kekal dan pulang berkhidmat menabur bakti di alma mater mereka dan seterusnya menerajui proses perubahan dan pembaharuan pengajian syariah di APIUM. Justeru itu, terbukti bahawa APIUM telah mengalami proses

¹⁶ Lihat sebagai contohnya pengiktirafan yang telah diberikan oleh para pengkaji terhadap pendekatan pengajian syariah APIUM dalam Norazmi Anas et. al, 'The Integration of Knowledge in Islam: Concept and Challenges,' *Global Journal of Human Social Science, Linguistics & Education* 13, no. 10 (2013): 51-52; Nur Manuty, "Islamic Studies Programs in Malaysia," 140-141; serta Kayadibi dan Hidayat, 'The Role of Islamic Studies in Muslim Civilization,' 92-93.

“*regenerative*” bila mana para alumninya sendiri yang telah mewarisi panji perjuangan APIUM dan seterusnya mencorakkan perubahan dan pembaharuan dalam pengajian syariah di APIUM sebelum mewariskannya kembali kepada generasi yang berikutnya sebagaimana yang akan dijelaskan pula pada bahagian yang berikutnya berkenaan sumbangan tokoh alumni APIUM.

a) Mewujudkan Pengkhususan Jabatan

Antara pembaharuan terbesar yang telah dilakukan oleh APIUM ialah mewujudkan bidang-bidang pengkhususan yang tertentu yang perlu dipilih oleh pelajar. Sejak sesi pengajian 1996/1997, pengkelasan umum kepada Fakulti Syariah dan Usuluddin telah dimansuhkan dan digantikan dengan kewujudan jabatan-jabatan yang khusus. Bahagian Pengajian Syariah sebagai contohnya kini telah dibahagikan kepada enam bahagian pengkhususan, iaitu; 1) Fiqh dan Usul al-Fiqh, 2) Syariah dan Undang-undang, 3) Syariah dan Ekonomi, 4) Syariah dan Pengurusan, 5) Siyasa Shar‘iyyah, dan 6) Astronomi Islam.¹⁷ Dengan ini para pelajar dapat memberikan penumpuan yang lebih untuk menguasai bidang pengkhususan yang telah dipilih. Selain itu, mereka juga perlu menggabungkan pengetahuan yang mereka miliki di dalam bidang syariah dengan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan pengkhususan mereka seperti undang-undang, ekonomi, perbankan, politik dan astronomi.¹⁸

Sebagai contohnya, seorang pelajar yang mengambil pengkhususan Sarjana Muda Syariah dan Ekonomi di APIUM selain perlu mempelajari subjek-subjek berkaitan syariah seperti Pengantar Syariah, Fiqh al-Ibadat, Fiqh al-Jinayat dan Nazariyyah al-Hukm, dia juga perlu mempelajari subjek-subjek khusus berkaitan bidang ekonomi seperti Prinsip Ekonomi, Ekonometrik Asas dan Pengantar Perakaunan.¹⁹ Langkah berani ini diambil bertujuan untuk melahirkan graduan syariah yang turut mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang merentas bidang serta mempunyai pengkhususan yang lebih bersifat kontemporari dan memenuhi keperluan semasa bagi bersaing dengan graduan-graduan di bidang lain.²⁰

¹⁷ Nur Manuty, ‘Islamic Studies Programs in Malaysia,’ 140.

¹⁸ Abd Mu’min Ab Ghani & Mohamad Kamil Abdul Majid, ‘Perkembangan APIUM: Penubuhan Jabatan dan Pengajian Awam,’ syarahan atas talian sambutan ulang tahun ke-40 APIUM, 22 Julai 2021, <https://www.facebook.com/apium2021/videos/532482451209463>.

¹⁹ APIUM, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda*, 45.

²⁰ Aini, Azizi dan Yahya, ‘Kerjaya Graduan Sarjana Muda Syariah,’ 83.

b) Pembaharuan Kaedah Pedagogi Pengajaran Syariah

APIUM sentiasa mengambil langkah proaktif dalam melakukan pembaharuan terhadap kaedah pedagogi pengajaran dan pembelajaran syariah. Antara pembaharuan yang telah dilakukan di APIUM dari aspek ini ialah penerapan kaedah pedagogi baru iaitu kaedah PBL (*Problem-Based Learning*) bagi memastikan para siswazah mempunyai kemahiran untuk menjana daya kritikal dan kebolehan menyelesaikan masalah semasa. Kaedah dan pendekatan PBL ini telah diterapkan dalam pembelajaran syariah di APIUM melalui empat langkah utama; 1) Pelajar akan didedahkan dengan kerangka konsep dan senarai buku rujukan yang berautoriti untuk sesuatu subjek khusus yang dipelajari, 2) Pendedahan tentang senario sesuatu masalah sebenar yang dihadapi berkaitan subjek yang dipelajari bagi diselesaikan secara berkumpulan oleh pelajar, 3) Pelajar ditugaskan untuk melakukan penyelidikan ilmiah bagi mendapatkan gambaran holistik terhadap sesuatu masalah yang diberikan dengan memberikan perhatian terhadap pelbagai disiplin ilmu moden lain yang berkaitan, dan 4) Hasil penyelidikan pelajar ini akan dibentangkan di dalam kelas untuk dinilai dan dibincangkan bersama para pelajar lain dengan bimbingan daripada pensyarah ataupun tutor.²¹

Selain itu, APIUM juga mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat interaktif. Untuk itu, setiap subjek yang ditawarkan di APIUM adalah dalam bentuk kombinasi antara syarahan kuliah (satu hala) dan kelas tutorial (dua hala) bagi menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan di bilik kuliah. Justeru itu, ternyata pendekatan berorientasikan pelajar (*student-oriented*) amat dititikberatkan berbanding pendekatan yang mengharapkan kepada pengajaran guru semata-mata (*teacher-oriented* dan *banking concept*) yang lazimnya digunakan dalam paradigma taqlid pengajian syariah klasik. Melalui pendekatan ini, kedua belah pihak baik sama ada guru mahupun pelajar perlu berinteraksi secara lebih terbuka dan kritikal. Para pelajar diberikan lebih kebebasan untuk meneroka secara kreatif sesuatu persoalan yang timbul namun dalam masa yang sama tidak menafikan terus kepentingan sosok seorang guru sebagai pembimbing yang mempunyai autoriti keilmuan. Sebaliknya kedua pihak ini akan sentiasa bekerjasama dengan pelajar memainkan peranan proaktif

²¹ Rahimin Affandi Abd. Rahim, Hasanah Abd. Khafidz, dan Nor Hayati Md. Dahlal, 'Pedagogi Pengajian Syariah di Malaysia: Analisis Terhadap Pengalaman Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,' Seminar Antarabangsa Pendidikan ICT Bernuansa Islami, 19-20 Disember 2009, Banda Acheh, Indonesia, 7.

dalam pembelajarannya manakala guru berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator.²²

Seterusnya, bagi menjamin masa depan para pelajar selepas bergraduasi, aspek kebolehpasaran pelajar juga turut dititikberatkan dalam merangka kaedah pengajian di APIUM. Untuk itu, proses pengajian syariah di APIUM telah menggabungkan kedua aspek teori dan amali lapangan melalui program latihan industri ataupun perkongsian pintar (*smart partnership*). Melalui program praktikal ini, para pelajar dapat melalui pengalaman simulasi sebenar realiti alam pekerjaan apabila mereka perlu meluangkan tempoh tertentu untuk berkhidmat sebagai pelatih di agensi, badan dan sektor kerjaya yang berkaitan dengan bidang syariah. Antara agensi yang lazim memberikan peluang ini adalah pejabat mufti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Mahkamah Syariah, Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), serta sektor swasta lain yang berkenaan seperti bank-bank yang menawarkan produk kewangan Islam. Selain itu, terdapat juga program-program penerangan dalam bentuk “*in-house training*” serta “*industrial talks*” yang menjemput pakar-pakar yang terlibat dalam industri kerjaya yang tertentu untuk datang ke kampus bagi memberikan pendedahan serta kesedaran kepada para pelajar berkenaan realiti serta peluang kerjaya yang tersedia untuk mereka setelah menamatkan pelajaran kelak.²³

c) Kurikulum Pengajian Syariah Yang Bersifat Semasa

Melalui proses semakan kurikulum yang dilakukan secara berkala berlandaskan data dan maklumat berkaitan seperti kebolehpasaran graduan serta maklumbalas yang diberikan oleh para alumni dan pihak majikan, rombakan dan perubahan telah dilakukan terhadap kurikulum pengajian di APIUM bagi memastikannya sentiasa kekal relevan dan berdaya saing menghadapi perubahan semasa.²⁴

Sehubungan dengan itu, APIUM mengambil pendekatan yang bersifat bersepadu dalam melakukan integrasi antara ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu keduniaan moden. Sehubungan dengan itu, APIUM telah menentengahkan

²² Rahimin Affandi Abd. Rahim, Hasanah Abd. Khafidz, dan Nor Hayati Md. Dahlal, ‘Pedagogi Pengajian Syariah di Malaysia: Analisis Terhadap Pengalaman Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,’ 8.

²³ Rahimin Affandi Abd. Rahim, Hasanah Abd. Khafidz, dan Nor Hayati Md. Dahlal, “Pedagogi Pengajian Syariah di Malaysia: Analisis Terhadap Pengalaman Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.”

²⁴ Ruzman Md Noor et. al, “Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam Dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis,” *Jurnal Kemanusiaan* 12, no. 1 (2014): 8.

subjek-subjek yang menjalinkan antara Islam dengan persoalan dan disiplin moden lain yang merangkumi subjek sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, pengurusan, perundangan, pentadbiran awam dan sebagainya. Hal ini bagi membiasakan para pelajar dengan subjek keilmuan moden yang biasa dipakai dalam realiti kehidupan semasa.²⁵ Sebagai contohnya, subjek-subjek seperti Islam dan Ideologi Moden dan Sejarah Pemikiran Politik Moden turut ditawarkan kepada para pelajar di Jabatan Siasah Syar‘iyyah selain subjek-subjek siasah syar‘iyyah lain yang lebih bersifat klasikal.²⁶

Selain itu, penekanan turut diberikan terhadap realiti semasa masyarakat terutamanya masyarakat setempat di Malaysia supaya tidak hanya tertumpu kepada realiti luar terutamanya di Timur Tengah mahupun konteks klasik zaman pertengahan yang melatari khazanah turath fiqh Islam. Ini dapat dilihat daripada amalan di APIUM yang menawarkan subjek-subjek seperti Hukum Islam dan Masyarakat, Fiqh Budaya, Amalan Fatwa, Pentadbiran Islam Semasa, dan Politik dan Masyarakat Malaysia dalam kurikulum pengajian Syariah seawal peringkat ijazah pertama lagi.²⁷ Hal ini dapat memastikan para graduan APIUM dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang mereka perolehi ke dalam masyarakat setempat dengan meraikan adat, sosio-budaya dan realiti semasa.²⁸

Seterusnya, APIUM juga mengambil pendekatan untuk menggalakkan para pelajar mempelajari pelbagai subjek luar yang ditawarkan di fakulti-fakulti lain. Hal ini bagi memberikan peluang kepada para pelajar di APIUM untuk mendapatkan pengalaman dan pandangan yang lebih luas dan pelbagai seterusnya menggalakkan berlakunya proses integrasi ilmu pengetahuan terutama di antara ilmu naqli dan aqli. Oleh itu, di dalam komponen Kursus Universiti yang wajib diselesaikan oleh semua pelajar APIUM turut memperuntukkan kursus Elektif Luar Fakulti yang memberi peluang untuk para pelajar APIUM meneroka subjek-subjek yang diminati dari fakulti-fakulti lain di Universiti Malaya.²⁹

²⁵ Rahimin, Hasanah dan Hayati, “Pedagogi Pengajian Syariah Di Malaysia,” 9.

²⁶ APIUM, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda*, 64.

²⁷ APIUM, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda*, 22.

²⁸ Nur Manuty, “Islamic Studies Programs in Malaysia,” 140-141.

²⁹ APIUM, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda*, 23.

d) Gagasan Fiqh Malaysia Yang Bersifat Tempatan

Keunikan pengajian syariah di APIUM yang paling ketara hasil proses pembaharuan yang didokong oleh para alumninya ialah melalui Gagasan Fiqh Malaysia. Gagasan ini merupakan usaha tajdid dalam bentuk yang lebih praktikal bagi menghakis dominasi taqlid yang telah menyebabkan kelesuan dalam pengajian syariah di Malaysia. Fiqh yang sudah begitu lama dibiarkan beku dan statik telah menyebabkan banyak persoalan hidup masyarakat tidak dapat diselesaikan mengikut kehendak syarak yang sebenar. Atas dasar ini, APIUM telah menerajui usaha mempromosikan Gagasan Fiqh Malaysia sebagai tawaran untuk membangunkan sistem fiqh Islam yang bersifat semasa serta mampu menghadapi perubahan zaman moden yang begitu pesat.

Hal ini kerana, unsur-unsur kemanusiaan seperti kefahaman dan penafsiran manusia terhadap nas syarak yang sakral amat mendominasi dalam khazanah fiqh Islam klasik. Maka amatlah tidak wajar sekiranya generasi yang terkemudian yang hidup dalam realiti semasa yang telah jauh berubah di samping perbezaan gaya hidup dan budaya setempat memadai dengan mengikut secara kaku segala hasil pandangan fiqh ulama klasik berkenaan. Oleh yang demikian, Gagasan Fiqh Malaysia yang dibawa oleh APIUM amat menitikberatkan usaha menggilap semula hasil kefahaman fiqh yang sebenar bersesuaian dengan realiti semasa namun dalam masa yang sama kekal bertepatan dengan disiplin prinsip-prinsip dasar perundangan Islam (*usul al-Fiqh*) dan tujuan utama syariah itu sendiri (*maqasid shari'ah*).³⁰

Rentetean daripada itu, APIUM amat menggalakkan usaha melakukan kajian ilmiah terhadap pelbagai permasalahan hukum Islam yang timbul dalam masyarakat setempat. Kajian yang kebiasaannya dilakukan di peringkat pasca-siswazah malahan diberikan kedudukan yang tinggi dan dianggap sebagai penyelidikan semi-ijtihad yang memainkan peranan penting dalam melakukan pembaharuan dalam pengajian syariah serta menyediakan penyelesaian yang bersesuaian dengan realiti semasa. Kajian ini juga bukan semata-mata bersifat akademik dan teori kerana menyentuh permasalahan sebenar yang dihadapi oleh masyarakat. Antara *niche area* penyelidikan yang amat diberikan tumpuan di APIUM disebabkan kepentingannya dalam konteks pengajian syariah semasa adalah terdiri daripada bidang:³¹

³⁰ Saadan Man et al., 'Transformasi Hukum Islam Kontemporari di Malaysia Melalui Gagasan Fiqh Malaysia,' *ICON-IMAD: Prosiding Konferensi Internasional Islam di Dunia Melayu* (Bandung: Institute for Study of Religion, Culture and Public Affair, 2011), 539.

³¹ Saadan Man et al., 'Transformasi Hukum Islam,' 537.

- a) Hukum Islam semasa – zakat, fatwa, wakaf, kepenggunaan, industri halal, budaya, gender dan sosiologi hukum Islam.
- b) Kehakiman dan Guaman Syarie - kehakiman dan guaman Islam.
- c) Muamalat dan Kewangan Islam - produk perbankan Islam, takaful, Dinar emas dan pasaran modal Islam.
- d) Sains dan Teknologi - astronomi Islam, falsafah etika Islam, isu-isu perubahan moden, bio-teknologi, dan pengklonan.

Justeru, jelaslah kepada kita bahawa sejak penubuhannya, APIUM telah memainkan peranan yang amat penting dalam menerajui usaha pembaharuan terhadap bidang pengajian syariah di Malaysia. Kini, usaha tersebut nyata mula membuahkan hasil apabila institusi-institusi pengajian syariah yang lain di rantau ini mula mengorak langkah menuruti jejak yang telah dirintis oleh APIUM. Selain itu, para alumni APIUM yang telah bersebaran di merata tempat dan memegang jawatan dan peranan penting dalam bidang syariah turut menjadi duta kecil bagi mempromosikan perjuangan pembaharuan APIUM ini.

2. Pencapaian Tokoh Alumni APIUM dalam Pengajian Syariah

Selain daripada sumbangan secara langsung yang telah diberikan oleh APIUM dalam usaha pembaharuan pengajian syariah sebagaimana yang telah dijelaskan. Sebelum ini, APIUM juga telah memberikan sumbangan secara tidak langsung yang juga amat penting dalam proses perkembangan pengajian syariah di rantau ini. Sumbangan tersebut datang dalam bentuk ribuan para alumni syariah APIUM yang telah dihasilkan sejak penubuhannya. Para alumni inilah yang kemudiannya bertebaran ke merata tempat lantas menerajui posisi-posisi penting yang berkaitan dengan pengajian syariah. Justeru dalam bahagian ini, kajian ini akan menyoroti sumbangan dan pencapaian yang telah diraih oleh para tokoh alumni bidang syariah APIUM terhadap perkembangan pengajian syariah.

Umumnya, terdapat beberapa posisi utama yang mempunyai peranan yang amat besar dalam proses pengajian syariah. Secara tradisi, proses pengajian syariah mempunyai tiga elemen utama iaitu fatwa, kehakiman dan keserjanaan yang masing-masingnya diterajui oleh sosok seorang mufti, kadi, dan faqih.³² Setiap elemen dan tokoh berkenaan mempunyai peranannya yang tersendiri sebagai autoriti dalam pengajian syariah, namun dalam masa yang

³² Wael B. Hallaq, *Authority, Continuity and Change in Islamic Law* (Cambridge: Cambridge University Press, 2001), xii.

sama, terdapat hubungkait yang amat rapat antara setiap elemen dan tokoh ini sebagaimana yang akan dijelaskan nanti. Sehubungan dengan itu, sejak penubuhannya, APIUM telah melahirkan ramai tokoh yang telah memainkan peranan penting sebagai mufti, ketua hakim mahkamah syariah, dan ahli akademik dengan menyesuaikan terhadap perubahan konteks dan realiti semasa.

a) Pencapaian Alumni APIUM dalam Bidang Kefatwaan

Institusi kefatwaan terutamanya melalui peranan sosok seorang mufti sememangnya memainkan peranan yang amat besar dalam pengajian syariah. Melalui fatwa yang dikeluarkan sebagai respons spesifik terhadap persoalan penanya (*mustafti*) yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan seorang Muslim, seorang mufti perlu memainkan peranan penting sebagai penghubung di antara hukum-hukum syarak bersumberkan wahyu ilahi yang bersifat *samawi* dengan realiti kehidupan semasa masyarakat di dunia ini. Untuk itu, seseorang Mufti perlu untuk meraikan latarbelakang, keadaan dan konteks permasalahan yang ditanyakan itu dan tidak memadai hanya terikat secara baku dengan pandangan hukum-hukum fiqh klasik.

Selain itu, mufti tersebut juga perlu menghadapi cabaran untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan baru (*mustajiddat*) yang timbul dalam kalangan masyarakat yang tidak mempunyai panduan yang jelas daripada nas-nas syarak. Tambahan daripada itu, hasil daripada keputusan-keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh seorang mufti itu juga akan memberikan sumbangan dan input untuk ditambahkan kepada korpus ilmu pengetahuan syariah melalui koleksi-koleksi fatwanya yang dibukukan serta pandangan-pandangannya yang dirujuk oleh para *fuqaha'* dalam karya-karya mereka. Maka tidak hairanlah seseorang mufti itu perlu memenuhi prasyarat kelayakan yang amat ketat dan terperinci merangkumi aspek keilmuan dan juga keperibadian bagi memikul tanggungjawab yang begitu besar ini.³³

Manakala dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara Islam moden, institusi fatwa ini turut dijadikan sebagai institusi rasmi kerajaan dengan seorang mufti sebagai seorang penjawat awam yang mengetuai institusi ini.³⁴ Oleh itu, peranan seorang mufti tidak terhad kepada ruang lingkup

³³ Lihat Jakob Skovgaard-Petersen, *Defining Islam for the Egyptian State: Muftis and Fatwas of the Dar al-Ifta* (Leiden: Brill, 1997), 6; Hallaq, *Authority*, 180-184.

³⁴ Norshahril Saat, *The State, Ulama and Islam in Malaysia and Indonesia* (Singapore: ISEAS Publishing, 2018), 57-58.

persoalan yang bersifat peribadi semata, malahan beliau juga perlu bertindak sebagai penasihat kerajaan dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam seperti pengurusan baitulmal dan zakat, pengurusan masjid dan solat Jumaat serta proses pencerapan anak bulan.³⁵ Malahan terdapat sebahagian fatwa ini yang kemudiannya digazetkan menjadi undang-undang rasmi negeri yang bersifat mengikat kepada seluruh umat Islam di negeri terbabit.³⁶

Justeru, sepanjang sejarah APIUM sejak daripada zaman YPTIK sehingga kini, terdapat sebilangan para alumninya yang telah berjaya dilantik untuk memegang jawatan sebagai mufti di negeri-negeri serta Wilayah Persekutuan di Malaysia (rujuk Jadual 1). Selain memegang jawatan tertinggi berkenaan, para alumni APIUM turut terlibat dalam bidang kefatwaan dengan berkhidmat sebagai timbalan dan ketua penolong mufti, serta pegawai-pegawai di unit istinbat, buhuth dan falak di jabatan-jabatan mufti negeri mahupun Wilayah Persekutuan.

Jadual 1: Senarai Alumni APIUM yang Berkhidmat sebagai Mufti

No.	Nama	Jawatan
1.	SS Dato' Seri Haji Hassan bin Haji Ahmad***	Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang (1997 - 2014)
2.	SS Dr. Haji Alias bin Abdullah**	Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (2008 – 2013)
3.	SS Dato' Seri Utama Diraja Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd. Wahid***	Mufti Kerajaan Negeri Selangor (1998 - Mei 2021)
4.	SS Datuk Dr. Hj. Mohd Mohadis bin Hj. Yasin**	Mufti Kerajaan Negeri Melaka (2014 – 2016)
5.	SS Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad***	Mufti Kerajaan Negeri Kelantan (2008 - Sekarang)
6.	SS Datu Haji Kipli bin Haji Yassin**	Mufti Kerajaan Negeri Sarawak (2010 – Sekarang)

³⁵ Mohamed Azam Mohamed Adil, "Organisasi dan Pentadbiran Jabatan Mufti," dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang APIUM, 2004), 42-43.

³⁶ Bagi maklumat lanjut berkenaan institusi fatwa di Malaysia rujuk Zulfaqar Mamat, *Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa* (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2019), 79-86; Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2008), 13-36; dan William Roff, "Patterns of Islamization in Malaysia, 1890s – 1990s: Exemplars, Institutions, and Vectors," *Journal of Islamic Studies* 9, no. 2 (1998): 214.

- | | | |
|----|--|---|
| 7. | SS Datuk Haji Bungsu @ Aziz Bin Hj. Jaafar** | Mufti Kerajaan Negeri Sabah (2012 – Sekarang) |
| 8. | SS Datuk Dr. Luqman bin Abdullah* | Mufti Wilayah Persekutuan (2020 – Sekarang) |
| 9. | SS Tuan Haji Jamali Adnan* | Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan (Sekarang) |
-

* Lulusan Syariah APIUM

** Lulusan Usuluddin APIUM

*** Lulusan YPTIK

b) Pencapaian Alumni APIUM dalam Bidang Kehakiman

Badan kehakiman juga merupakan salah satu institusi yang memainkan peranan penting dalam bidang syariah. Berbanding dengan mufti yang lebih bersifat memberikan panduan hukum, seorang kadi ataupun hakim lebih bertindak sebagai autoriti yang mempunyai kuasa yang bersifat mengikat untuk memutuskan sesuatu perkara bagi menegakkan keadilan berdasarkan syariah.³⁷ Ruang lingkup peranan kadi/hakim dalam sejarah Islam amat luas meliputi penyelesaian pertikaian, mengembalikan hak kepada yang sepatutnya, menjatuhkan dan memastikan pelaksanaan hukuman, mentadbir harta bagi pihak yang tidak berkelayakan seperti orang gila dan *safih* dan juga harta-harta wakaf, melaksanakan wasiat, menikahkan perempuan yang tidak berwali, melaksanakan hukuman hudud kepada pesalah, mengawal ketenteraman awam, memilih dan menilai para saksi, dan memastikan keadilan sama rata ditegakkan tanpa mengira darjat dan kekayaan.³⁸

Dalam konteks Malaysia pula, ruang lingkup bidang kuasa kehakiman syariah adalah lebih terhad kepada undang-undang kekeluargaan, kesalahan jenayah syariah seperti berkaitan akidah, kesucian agama Islam, moraliti, dan juga pentadbiran wasiat, wakaf dan harta pusaka. Hal ini disebabkan sistem dualisme yang diamalkan dalam sistem perundangan Malaysia yang membahagikan kepada perundangan sivil dan perundangan syariah.³⁹ Namun

³⁷ Wael B. Hallaq, *The Origins and Evolution of Islamic Law* (Cambridge: Cambridge University Press, 2005), 98.

³⁸ Abu al-Hasan ‘Ali al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, ed. Ahmad Jaad (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006), 119-121.

³⁹ Siti Shamsiah binti Md Supi, “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas,” Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), <https://>

begitu, ini tidak sama sekali dapat menafikan kepentingan dan peranan penting yang dimainkan oleh seorang hakim syarie. Hal ini kerana, melalui institusi kehakiman syariah inilah sesuatu hukum-hakam syarak dapat diaplikasikan secara realiti kepada masyarakat dan tidak semata-mata kekal sebagai teori. Selain itu, melalui peranan besar yang dimainkan oleh hakim syarie inilah kepelbagaian pendapat fiqh dapat diselaraskan dan diterjemahkan kedalam bentuk undang-undang yang selari dan terpakai kepada semua.⁴⁰

Oleh yang demikian, para alumni APIUM terutamanya graduan daripada pengkhususan syariah dan undang-undang telah terlibat secara aktif dalam bidang kehakiman Islam di Malaysia. Malahan terdapat antara mereka yang berjaya menjadi Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) serta hakim-hakim di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) (rujuk Jadual 2). Di samping itu, alumni APIUM turut menyumbangkan jasa berkhidmat sebagai pegawai mahkamah, pendaftar mahkamah, peguam syarie dan pendakwa syarie.

Jadual 2: Senarai Alumni Bidang Syariah APIUM yang Berkhidmat sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim dan Hakim-Hakim di JKSM dan JKSN

No.	Nama	Jawatan
1.	YAA Dato' Hj. Asa'ari bin Hj. Mohd Yazid	Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Perak (17 Julai 2015 – 7 November 2020)
2.	YAA Dato' Mohammad Adib bin Husain	Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (3 Julai 2017 – Sekarang)
3.	YA Dato' Mohd Amran bin Mat Zain	Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Sekarang)
4.	YAA Tuan Alidin @ Ahmad Din bin OKK Othman	Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Sabah (2019 – Sekarang)

www.ikim.gov.my/index.php/2003/03/19/bidang-kuasa-mahkamah-syariah-di-malaysia-satu-pengenalan-ringkas/.

⁴⁰ Lihat Wael B. Hallaq, *Shari'a: Theory, Practice, Transformation* (Cambridge: Cambridge University Press, 2009), 164-176; Mohd Nazri Ahmad, "Konsep Kehakiman Dalam Islam," *Jurnal Usuluddin* 14 (2001): 90-93.

- | | |
|---|---|
| 5. Tuan Haji Zakaria Samela | Hakim Mahkamah Syariah Tawau
(4 Januari 1989 - 14 Jun 1996)

Ketua Pendakwa Syarie Negeri
Sabah (15 Jun 1996-31 Mac 2017) |
| 6. YAA Tuan Mohd Asri bin Mohd Tahir | Ketua Hakim Syarie, Mahkamah
Syariah Wilayah Persekutuan
(2020 – Sekarang) |
| 7. YAA Datu Haji Awang Suhaili bin Ledi | Ketua Hakim Syarie, Jabatan
Kehakiman Syariah Sarawak
(Sekarang) |
| 8. YA Dr. Arik Sanusi bin Yeop Johari | Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Kangar (2020
– Sekarang)

Pengarah Bahagian Syariah dan
Pengharmonian Undang-undang,
Jabatan Peguam Negara (2018-
2020) |
| 9. Tuan Zainor Rashid bin Hassin | Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan
Pendakwaan Syariah Selangor
(Sekarang) |
| 10. Tuan Muhammad Zamri bin Roslan | Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan
Pendakwaan Syarie Pulau Pinang
(Sekarang) |
-

c) Pencapaian Alumni APIUM dalam Bidang Kesarjanaan Syariah

Bidang kesarjanaan syariah turut mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap pengajian syariah. Sepanjang sejarah, para fuqaha' mempunyai peranan dan pengaruh yang amat besar sebagai autoriti ilmu dalam bidang pengajian syariah. Pertamanya, para fuqaha' ini berperanan sebagai penulis kitab-kitab fiqh yang menjadi autoriti utama dalam bidang pengajian syariah terutamanya melalui tradisi bermazhab. Bahkan hasil penulisan inilah yang menjadi rujukan dan panduan utama oleh para mufti dan hakim dalam melaksanakan tugas mereka untuk mengeluarkan fatwa dan memutuskan keputusan di mahkamah sesuai dengan mazhab para imam fuqaha' yang

diikuti dan diamalkan.⁴¹ Manakala peranan kedua yang dimainkan oleh para fuqaha' dalam bidang kesarjanaan syariah ialah sebagai tenaga pengajar (*mudarris, shaikh*) di institusi-institusi pengajian Islam (*madrasah*) yang tersohor. Melalui posisi ini, para fuqaha' tersebut bertanggungjawab untuk mendidik dan melatih para pelajar ilmu syariah yang akan menjadi pelapis kepada bidang pengajian syariah serta menjawat kedudukan penting sebagai seorang mufti, qadhi, dan sebagainya.⁴²

Manakala dalam konteks semasa pada hari ini, bidang kesarjanaan syariah turut mengalami perkembangan dan perubahan. Justeru, selain daripada para ulama yang mewarisi sistem pengajian syariah tradisional seperti yang terdapat di pondok, pesantren dan sebagainya, kesarjanaan syariah turut berkembang di universiti-universiti moden. Melalui kedudukan mereka sebagai ahli akademik, para sarjana syariah ini giat mengembangkan pengajian syariah melalui aktiviti penyelidikan, pengajaran serta penyeliaan. Aktiviti penulisan kitab-kitab fiqh klasik kini digantikan dengan penyelidikan dan penerbitan makalah di jurnal ilmiah mahupun monograf akademik. Begitu juga aktiviti syarahan dan pengajaran secara *talaqqi* di madrasah ataupun masjid kini diteruskan di bilik-bilik kuliah universiti.⁴³

Dengan itu, APIUM turut memberikan sumbangan yang besar dalam bidang kesarjanaan syariah. Melalui ribuan alumni bidang syariah yang telah dilahirkan, ramai antara mereka yang memilih untuk kekal menyumbang dalam lapangan akademik terutamanya di APIUM itu sendiri sehingga berjaya menjadi pengarah serta timbalan-timbalan pengarah di APIUM. Manakala yang lain pula telah berhijrah menyumbangkan bakti ke institusi-institusi lain sehingga berjaya memegang kedudukan penting seperti dekan dan pengarah di institusi pengajian tinggi dan institut penyelidikan awam mahupun swasta (rujuk Jadual 3). Selain itu, ramai juga dalam kalangan alumni syariah APIUM yang berkhidmat di jawatan-jawatan lain dalam bidang kesarjanaan syariah seperti sebagai pensyarah kanan, penyelidik dan juga pendidik.⁴⁴

⁴¹ Hallaq, *Authority*, 167-169.

⁴² Lihat George Makdisi, *The Rise of Colleges: Institutions of Learning in Islam and the West* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1981), 153-171.

⁴³ Lihat Muhammad Qasim Zaman, *The Ulama in Contemporary Islam: Custodians of Change* (Princeton: Princeton University Press, 2002), 185-191.

⁴⁴ Aini, Azizi dan Yahya, "Kerjaya Graduan Sarjana Muda Syariah," 100-104.

Jadual 3: Senarai alumni bidang syariah APIUM yang berkhidmat sebagai Dekan/Pengarah/Pengurusan Tertinggi di Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Penyelidikan

No.	Nama	Jawatan
1.	Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr Mahmood Zuhdi Ab. Majid	Dekan, Fakulti Syariah, Universiti Malaya (1985 – 1990)
		Pengarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (1995 – 2003)
2.	Prof Dato' Dr Ahmad Hidayat Buang	Pengarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2006-2011)
3.	Prof. Madya Dr Ruzman Md Noor	Pengarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2011-2012)
		Timbalan Pengarah (Ijazah Dasar), Akademi (2015-2018)
4.	Prof. Dato' Dr Mohd Yaakub@ Zulkifli Mohd Yusoff*	Pengarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2012-2018)
5.	Prof. Datin Dr Raihanah Abdullah	Pengarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2018-2021)
		Pengarah, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (2013-2014)
6.	Prof. Madya Dr Fauzi Hamat*	Pengarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2021 - sekarang)
		Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2019 - 2021)
7.	Prof. Madya Dr Siti Zubaidah Ismail	Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2019-sekarang)
8.	Prof. Madya Dr Abdul Karim Ali	Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2021-sekarang)
		Timbalan Pengarah (Ijazah Dasar), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2010-2014).

Pencapaian dan Sumbangan Alumni Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya (APIUM) dalam Pengajian Syariah di Malaysia

- | | | |
|-----|--|---|
| 9. | Prof. Dato' Dr Mujaini Tarimin | Ketua, Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi Mara (1988-1990, dan 1999-2002) |
| | | Ahli Lembaga Pengarah, Kolej Universiti Islam Selangor (Sekarang) |
| 10. | Prof. Dr Abd Jalil Borhan (Allahyarham) | Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia Pahang (2000-2009) |
| | | Dekan Pusat Bahasa Moden & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (2009-2014) |
| 11. | Prof. Dr Muhammad Rahimi Osman | Pengarah/Dekan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)/ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (2005-2019) |
| 12. | Prof. Madya Dr Nurhidayah Hashim | Dekan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (2019-Sekarang) |
| 13. | Prof. Madya Dr Jasni Sulong | Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (2022-2024) |
| 14. | Dr Zainuddin Jaafar (Allahyarham) | Presiden Pertama Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) (1996-2002) |
| 15. | Tuan Haji Zakaria Samela | Ketua Pegawai Eksekutif, Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (2017-2019) |
| 16. | Prof. Madya Dr Mohamed Azam Mohamed Adil | Ketua Pengarah IKIM 3 Februari 2022 - kini.

Deputy CEO IAIS Malaysia 1 April 2013 - 6 Februari 2022.

Principal Fellow IAIS Malaysia 1 April 2013-31 Mac 2020.

Senior Fellow IAIS Malaysia 1 April 2020 - kini. |

17. Prof. Datuk Dr Hasan Bahrom Canselor, Kolej Universiti Islam Melaka (2018-Sekarang)
-

*** Lulusan Usuluddin APIUM**

Selain daripada peranan tradisional yang telah disebutkan, pengajian syariah itu sendiri telah mengalami perkembangan sehingga melahirkan peranan-peranan baharu dalam bidang syariah di Malaysia. Antara bidang yang menjadi tumpuan ialah bidang pentadbiran Islam dan juga kewangan Islam. Justeru itu, para alumni APIUM turut tidak ketinggalan untuk menerokai dan mengembangkan bidang-bidang baharu berkenaan.

d) Pencapaian Alumni APIUM dalam Bidang Pentadbiran Islam

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara majoriti Muslim dengan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan telah mewujudkan keperluan kepada para graduan syariah untuk mengisi kedudukan-kedudukan penting dalam bidang pentadbiran Islam di Malaysia. Oleh itu, para alumni syariah APIUM telah terbukti berjaya melakarkan sejarah gemilang dalam bidang ini sebagai menteri, pengarah dan pentadbir di institusi-institusi pentadbiran Islam di Malaysia (rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Senarai Alumni Bidang Syariah APIUM yang Memegang Jawatan Tertinggi Institusi Pentadbiran Islam di Malaysia

No.	Nama	Jawatan
1.	Dato' Seri Jamil Khir Baharom	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) (2009-2018) Ahli Parlimen Jerai (2013 - 2018) Senator Dewan Negara (2009 - 2013) Mejar Jeneral (Bersara) Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)
2.	Dato' Seri Dr Mujahid Yusof Rawa	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) (2018 – 2020) Ahli Parlimen Parit Buntar (2008 - Sekarang)

3.	Dato' Shabudin Yahya	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) (2020-2021) Ahli Parlimen Tasek Gelugor (2013-Sekarang)
4.	Dr. Maszlee Malik	Menteri Pendidikan (2018 – 2020) Ahli Parlimen Simpang Renggam (2018-Sekarang)
5.	Dato' Haji Paimuzi Yahya (Allahyarham)	Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2020)
6.	Hajah Hakimah Yusof	Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2018-Sekarang)
7.	Datuk Haji Mohd Ajib Ismail	Pengarah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Sekarang)
8.	Datuk Mohd Yusop Husin	Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak (2011-2021)
9.	Dato' Che Sukri Che Mat	Pengarah, Jabatan Agama Islam Melaka (Sekarang)
10.	Mejar Jeneral Haji Muhamad Azmi Wahab	Ketua Pengarah, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) (2021 – Sekarang)
11.	Tuan Haji Mohd Zamri Mohd Shapik	Pengarah, Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Sekarang)

e) Pencapaian Alumni APIUM dalam Bidang Kewangan Islam

Seiring dengan perkembangan pesat dalam bidang kewangan Islam terutamanya di Malaysia sejak mutakhir ini, pelbagai posisi penting dalam sektor perbankan, kewangan dan takaful Islam telah diwujudkan yang memerlukan kepada graduan daripada latarbelakang pengajian syariah. Justeru, para alumni APIUM turut memberikan sumbangan yang besar dalam bidang ini dengan menjawat jawatan-jawatan penting seperti pengarah, ketua jabatan, dan ahli penasihat syariah di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia (rujuk Jadual 5).

Jadual 5: Senarai Alumni Bidang Syariah APIUM yang Memegang Jawatan Penting dalam Bidang Kewangan Islam

No.	Nama	Jawatan
1.	Dr Ramadhan Fitri Ellias	Head of Strategy, Maybank Islamic (Sekarang)
2.	Mohd Nazri Chik	General Manager (Strategic Relations), Bank Islam Malaysia Berhad (2014-Sekarang)
3.	Prof. Dato' Dr Ahmad Hidayat Buang	Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (Sekarang) Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, MNRB Holding Berhad (Sekarang)
4.	Prof. Madya Dr Mohamed Azam Mohamed Adil	Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, CIMB Islamic (2014-2017) Pengarah, CIMB Islamic Bank Berhad (2014-2016)
5.	Prof. Madya Dr. Md Khalil Ruslan	Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Zurich Takaful Malaysia Bhd (2020)
6.	Prof. Dr. Muhammad Rahimi Osman	Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Bhd (Sekarang)
7.	Prof. Madya Dr. Mohd Fuad Md Sawari	Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Prudential BSN Takaful Bhd (2020)
8.	Prof. Madya Dr Kamaruzaman Noordin	Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Swiss Reinsurance Company Ltd (Sekarang) Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Kenanga Investment Bank Bhd (2020)
9.	Prof. Madya Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani	Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, AIA Public Takaful Bhd (Sekarang) Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Public Islamic Bank Bhd (Sekarang)

- | | | |
|-----|---|--|
| 10. | Dato' Setia Hj Mohd Tamyez Abdul Wahid | Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (2021) |
| 11. | Dr Ghazali Jaapar | Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Kenanga Investment Bank Bhd (2021)
Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, RHB Islamic Bank Bhd (2020) |
| 12. | Prof. Dr Joni Tamkin Borhan (Allahyarham) | Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (1999-2003) |
| 13. | Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali | Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, MUFG Bank (Malaysia) Berhad (Sekarang) |
| 14. | Azizi Che Seman | Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Sekarang)
Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK) (Sekarang) |
| 15. | Dr Nurdin Ngadimon | Timbalan Pengarah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Bersara 2020) |
-

f) Pencapaian Alumni APIUM dalam Bidang Dakwah

Selain daripada bidang-bidang yang telah disebutkan, tidak dinafikan juga terdapat bidang-bidang lain yang telah diceburi oleh para alumni APIUM dalam pengajian syariah. Antara yang dapat disebutkan di sini ialah peranan para alumni APIUM dalam bidang medan dakwah terutamanya melalui media-media massa di Malaysia. Justeru itu, nama-nama pendakwah popular seperti Prof. Madya Dr Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, Datuk Dr. Norhafizah Musa, Dato' Shamsuri Ahmad, dan Imam Muda Asyraf yang sering muncul di kaca televisyen dan corong radio adalah merupakan alumni APIUM yang tersohor.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, jelaslah bahawa APIUM telah memainkan peranan yang amat penting dalam proses pengajian syariah. Latar belakang sejarahnya telah menyebabkan APIUM muncul sebagai sebuah institusi pengajian syariah yang

utama dan penting di rantau ini. Pencapaian dan sumbangan besar APIUM terutama melalui para alumninya terhadap pengajian syariah di Malaysia dapat dinilai dari dua aspek. Pertamanya, melalui para alumninya yang kekal berkhidmat di APIUM dan seterusnya memacu proses pembaharuan pengajian syariah di Malaysia. Keberanian APIUM melakukan pembaharuan yang mendahului zaman terhadap pengajian syariah seperti mewujudkan pengkhususan profesionalisme, menggabungkan ilmu turath dan moden, meraikan elemen tempatan, serta mengutamakan semangat penyelidikan dalam meneroka bidang-bidang baru kajian syariah seperti sains, astronomi dan pengurusan telah menyebabkannya menjadi insituti pengajian tinggi syariah yang disegani. Keduanya, kualiti graduan syariah yang telah berjaya dihasilkan oleh APIUM tidak dapat disangkal lagi. Sejak penubuhannya, APIUM telah menghasilkan ribuan alumni yang telah bersebaran ke seluruh pelusuk rantau ini dan mengisi kedudukan-kedudukan penting pengajian syariah dan seterusnya menjadikan posisi-posisi tersebut sebagai sarana untuk menyebar dan mengukuhkan lagi pengajian syariah. Akhirnya, semoga kajian ini menjadi pencetus untuk menggalakkan lagi usaha pengkajian, penerokaan dan penulisan sejarah APIUM terutamanya dalam merekodkan sumbangan para alumni APIUM bagi dijadikan panduan iktibar dan inspirasi kepada generasi yang akan datang.

RUJUKAN

- “Academy of Islamic Studies: Overview,” University of Malaya, diakses pada 30 September 2021, <https://apium.um.edu.my/>.
- “Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Akademi Pengajian Islam ke 40,” University of Malaya, diakses pada 30 September 2021, <https://apium.um.edu.my/news/majlis-perasmian-sambutan-ulang-tahun-akademi-pengajian-islam-ke-40>.
- Ab Ghani, Abdul Mu'min dan Mohamad Kamil bin Hj Abdul Majid, “Perkembangan APIUM: Penubuhan Jabatan dan Pengajian Awam,” syarahan atas talian sambutan ulang tahun ke-40 APIUM, 22 Julai 2021, <https://www.facebook.com/apium2021/videos/532482451209463>.
- Abd. Rahim, Rahimin Affandi, Hasanah Abd. Khafidz, dan Nor Hayati Md. Dahlal, “Pedagogi Pengajian Syariah Di Malaysia: Analisis Terhadap Pengalaman Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,” Seminar Antarabangsa Pendidikan ICT Bernuansa Islami, 19-20 Disember 2009, Banda Aceh, Indonesia.

- Abdul Majid, Mahmood Zuhdi Hj., “Pengkisahan Sejarah 40 Tahun APIUM,” syarahan atas talian sambutan ulang tahun ke-40 APIUM, 1 Julai 2021, <https://apium.um.edu.my/events/pengkisahan-sejarah-40-tahun-apium>.
- Ahmad, Mohd Nazri, “Konsep Kehakiman Dalam Islam,” *Jurnal Usuluddin* 14 (2001): 87-96.
- Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Buku Panduan Program Pengajian Sarjana Muda Sesi 2019/2020* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2019).
- Ali, Abdul Karim, Rahimin Affandi Abd. Rahim, dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Transformasi Pengajian Tinggi Aliran Islam Sebagai Asas Pembangunan Modal Insan: Pengalaman APIUM,” *Jurnal Hadhari* 6, no. 2 (2014): 1-14.
- Ali, Nor Aini, Azizi Che Seman, dan Mohd. Yahya Mohd. Hussin, “Kerjaya Graduan Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (1996 - 2002),” *Jurnal Syariah* 13, no. 1 (2005): 81-104.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, ed. Ahmad Jaad (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006).
- Anas, Norazmi et. al, “The Integration of Knowledge in Islam: Concept and Challenges,” *Global Journal of Human Social Science, Linguistics & Education* 13, no. 10 (2013): 51-55.
- Awang, Idris, “Perkembangan Pengajian di Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,” *Jurnal Syariah* 3, no. 2 (1995): 301-309.
- Awang, Idris, “Sejarah ringkas Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri,” *Jurnal KIAS* 14, no. 1 (2019): 100-113.
- Hallaq, Wael B. *Authority, Continuity and Change in Islamic Law* (Cambridge: Cambridge University Press, 2001).
- Hallaq, Wael B. *Shari‘a: Theory, Practice, Transformation* (Cambridge: Cambridge University Press, 2009).
- Hallaq, Wael B. *The Origins and Evolution of Islamic Law* (Cambridge: Cambridge University Press, 2005).
- Kasan, Hasnan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2008).
- Kayadibi, Saim dan Ahmad Hidayat Buang, “The Role of Islamic Studies in Muslim Civilization in The Globalized World: Malaysian Experience,” *Jurnal Hadhari* 3, no. 2 (2011): 83-102.
- Makdisi, George, *The Rise of Colleges: Institutions of Learning in Islam and the West* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1981).

- Mamat, Zulfaqar, *Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa* (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2019).
- Man, Saadan et. al, “Transformasi Hukum Islam Kontemporari di Malaysia Melalui Gagasan Fiqh Malaysia,” *ICON-IMAD: Prosiding Konferensi Internasional Islam di Dunia Melayu* (Bandung: Institute for Study of Religion, Culture and Public Affair, 2011).
- Manuty, Muhd. Nur, “Islamic Studies Programs in Malaysia’s Higher Learning Institutions: Responses to Contemporary Challenges of Modernity, Globalization and Post 9/11,” dalam *Islamic Studies and Islamic Education in Contemporary Southeast Asia*, ed. Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad dan Patrick Jory, 137-158 (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan, 2011).
- Md Noor, Ruzman et. al, “Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam Dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis,” *Jurnal Kemanusiaan* 12, no. 1 (2014): 1-20.
- Md Supi, Siti Shamsiah, “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas.” *Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2003/03/19/bidang-kuasa-mahkamah-syariah-di-malaysia-satu-pengenalan-ringkas/>.
- Mohamed Adil, Mohamed Azam, “Organisasi dan Pentadbiran Jabatan Mufti,” dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang APIUM, 2004).
- Roff, William, ‘Patterns of Islamization in Malaysia, 1890s – 1990s: Exemplars, Institutions, and Vectors,’ *Journal of Islamic Studies* 9, no. 2 (1998): 210-228.
- Saat, Norshahril, *The State, Ulama and Islam in Malaysia and Indonesia* (Singapore: ISEAS Publishing, 2018).
- Skovgaard-Petersen, Jakob, *Defining Islam for the Egyptian State: Muftis and Fatwas of the Dar al-Ifta* (Leiden: Brill, 1997).
- Zaman, Muhammad Qasim, *The Ulama in Contemporary Islam: Custodians of Change* (Princeton: Princeton University Press, 2002).